**1103/1**
**Bahasa**
**Melayu**
**Kertas 1**
**Ogos/Sept**
**2014**
2 ¼ jam

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST**
**JALAN HANG JEBAT, 50150 KUALA LUMPUR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2014**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1 ( 1103/1 )**

**Dua jam lima belas minit**

---

**Penggubal soalan : pn. Hasmawati bt Hashim**

**Disemak oleh,**

Disahkan oleh,

………………………………
**(EN. MOHD ZIKRI IHSAN B. MOHAMAD ZABHI)**
Ketua Panitia Bahasa Melayu

………………………….
**(PN. JAMILAH BT. MOHD KOYA)**
Guru Kanan Bahasa

………………………………..
**(EN. WONG CHEE KHEON)**
Pengetua

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan :**
1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan satu soalan daripada* **Bahagian B.**

**Kertas soalan ini mengandungi 03 halaman bercetak**

**Bahagian A**

**[** *30 markah* **]**
[ *Masa dicadangkan : 45 minit* ]

*Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang* **langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kebersihan tandas di sekolah.** *Panjangnya huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

## LANGKAH-LANGKAH MENGEKALKAN KEBERSIHAN TANDAS DI SEKOLAH



Aktiviti pembersihan secara berkala




Kempen berterusan oleh pihak berkaitan



Ibu bapa memberikan perhatian dan didikan tentang kebersihan tandas

**Bahagian B**
[ *100 markah* ]
[ *Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit* ]

*Pilih* **satu** *daripada* **soalan** *di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Setiap pelajar mempunyai persediaan tersendiri untuk menghadapi peperiksaan agar memperoleh keputusan yang cemerlang.
   Jelaskan persediaan-persediaan yang anda lakukan sebelum menjelangnya musim peperiksaan awam.

2. Salah satu tanggungjawab ibu bapa kepada tanah air adalah untuk membentuk dan mengasuh anak-anak menjadi warganegara yang berjiwa patriotik. Anda berminat untuk menulis sebuah rencana tentang peranan ibu bapa bagi memupuk semangat patriotik dalam jiwa anak-anak.
   Tulis rencana tersebut selengkapnya.

3. Kekurangan sumber bahan api petroleum dijangka akan habis menjelang tahun 2020. Hal ini menyebabkan kenaikan harga petroleum mentah secara berterusan dan mendorong kerajaan menarik balik subsidi harga petrol.
   Bincangkan kesan-kesan kenaikan harga bahan mentah ini kepada rakyat dan cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi mengurangkan kesan tersebut.

4. Segelintir pihak telah menjadikan Internet sebagai medan untuk melakukan jenayah yang dikenali sebagai jenayah siber.
   Huraikan faktor-faktor jenayah siber ini sukar dibendung dan usaha-usaha yang perlu diambil oleh setiap negara di dunia untuk memerangi jenayah tersebut.

5. Untuk menggalakkan orang ramai menabung, sebuah institusi kewangan tempatan telah menganjurkan sayembara menulis cerpen bertemakan peribahasa “Melentur buluh, biarlah dari rebungnya.” Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.
   Tulis cerpen anda selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**